

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 JULY 2016

ISU PEMBENTUKAN PAKATAN PEMBANGKANG BAHARU.

'UMNO, BN akan lawan habis-habisan'

BH - 16/7/2016

→ Guna ilmu politik diajar Tun M untuk tewaskan musuh politik ketika masih berkuasa

Daripada Wan Faizal Ismayatim
bhnews@bh.com.my

Ulaanbaatar (Mongolia)

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata UMNO dan Barisan Nasional (BN) akan menentang habis-habisan pakatan baharu diasaskan Tun Dr Mahathir Mohamad dengan menerapkan ilmu diajar beliau ketika mengalahkan musuh politiknya ketika masih berkuasa.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kedudukan BN semakin kukuh seperti terbukti pada keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak dan Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kangsar serta Sungai Besar, baru-baru ini.



[FOTO BERNAMA]

Ahmad Zahid pada sesi pleno Sidang Kemuncak Mesyuarat Asia-Eropah Ke-11 di Ulaanbaatar, semalam.



Walaupun kita tak boleh menafikan mereka ada pengaruh, tetapi kita pulangkan kepada rakyat untuk berikan perbandingan rekod dan pencapaian diperlihatkan BN selama ini”

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

“Walaupun kita tak boleh menafikan mereka ada pengaruh, tetapi kita pulangkan kepada rakyat untuk berikan perbandingan rekod dan pencapaian diperlihatkan BN selama ini.

Guna ilmu politik yang sama

“Orang yang mahu menubuhkan parti baharu berkenaan ketika jadi pemimpin mengambil tindakan sama terhadap musuh politiknya, jadi atas ilmu politik yang diajar, kami akan laksanakan sebagaimana beliau lakukan,” katanya kepada media Malaysia selepas perasmian Sidang Kemuncak Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) Ke-11 di sini, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir mengumumkan penubuhan satu pakatan baharu dianggotai parti politik

pembangkang disertai DAP, PKR dan Parti Amanah Negara sebagai parti komponen, serta mereka yang menentang kerajaan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden UMNO bagaimanapun berkata, BN dan UMNO tidak mahu terlalu yakin dan perlu bersedia menghadapi apa juga cabaran daripada pembangkang atau parti baharu.

“Kita mahu memastikan BN terus kukuh dan kekal sebagai kerajaan pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang,” katanya.

Beliau berkata, sebagai negara demokrasi kerajaan tiada masalah membenarkan penubuhan parti politik baharu yang diumumkan bekas Perdana Menteri, malah mengalu-alukan usaha terbabit.